



Dr Abdul Rahman Ishak melangkah selanjutnya ke dalam bidang perubatan yang didambakan sejak usia muda lagi. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

# Gembira, lega bergelar doktor setelah 2 kali permohonan ditolak

► **ILLYDEA ISHAK**  
illydea@sph.com.sg

Kegembiraan jelas kelihatan pada wajah, Dr Abdul Rahman Ishak, yang baru menamatkan pengajiannya di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

Selepas dua kali permohonannya untuk masuki sekolah itu ditolak, usaha kali ketiga membawa tuah apabila beliau diterima pada 2019.

Berbekalkan ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS), Dr Abdul Rahman, 26 tahun, kini sedang menjalani tempoh latihan, atau *housemanship*, setahun di Hospital Ng Teng Fong.

Mengenai dorongan utamanya dalam menge-

jar impian menjadi doktor, Dr Abdul Rahman berkata beliau kagum dengan doktor yang merawatnya semasa beliau diserang semput pada usia empat tahun.

“Saya cuma tahu saya sakit dan apabila doktor memberi saya penjelasan yang boleh saya fahami, saya mula tertarik pada apa mereka lakukan.

“Dan apabila datuk dan nenek saya meningkat usia, saya lebih memahami peranan yang boleh dimainkan oleh doktor dalam membuat pesakit lebih selesa dan yakin pada rawatan yang mereka terima,” ujarnya lagi.

“Ini baru tahap permulaan. Jauh lagi perjalanan saya dalam bidang ini,” tambah Dr Abdul Rahman.

■ **Laporan lain – Muka 11**

# Doktor muda mahu penjagaan kesihatan mudah diakses semua



Teruja untuk mengharungi fasa selanjutnya dalam bidang perubatan setelah tamat lima tahun pengajian, Dr Abdul Rahman Ishak, ingin mendalami bidang pembedahan, khususnya ortopedik.  
– Foto foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

► ILLYDEA ISHAK  
illydea@sph.com.sg

Lima tahun selepas menyarung kost putih dalam Majlis Kot Putih pada 2019 dan mengharungi jerih payah sebagai doktor pelatih, beliau akhirnya bergelar doktor bertauliah.

Dr Abdul Rahman Ishak, 26 tahun, kini ingin berjasa dan menyumbangkan tenaga kepada masyarakat dengan memastikan masyarakat mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan yang menyeluruh.

"Peranan saya bukan sebagai doktor saja. Saya juga ada tanggungjawab memahami apa yang menjadi halangan bagi pesakit mendapatkan rawatan, mungkin dari segi kewangan dan sebagainya."

"Dan sayalah yang menjadi jambatan bagi mereka dan para pegawai penjagaan kesihatan lain bagi memastikan mereka mendapat penjagaan sewajarnya," kata beliau, yang pernah dua kali ditolak permohonan untuk memasuki sekolah perubatan.

Dr Abdul Rahman adalah antara siswazah yang menghadiri majlis konvokesyen di Pusat Budaya Universiti (UCC) di Universiti Nasional Singapura pada 14 Julai.

Majlis itu dihadiri bapanya, Encik Ishak Hassan, 64 tahun, seorang pegawai teknikal kanan, dan ibunya, Cik Rohani Mafot, 57 tahun, seorang guru Bahasa Melayu.

Ketika dihubungi, Dr Abdul Rahman berkata tiga tahun terakhir untuk mendapatkan ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) merupakan detik paling menca-

bar baginya.

"Dua tahun pertama sama seperti di maktab rendah dengan kami hadiri kuliah dan sebagainya."

"Tapi tahun ketiga selanjutnya, kami mendapat lebih pendedahan ke pelbagai wad untuk mempelajari proses klinikal dengan lebih dekat.

"Di situs cabarannya kerana kami dalam sekitaran yang asing dan baru."

"Kami digilirkan ke hospital dan kepakaran yang berbeza. Sama ada berminat atau tidak, kami perlu melakukan yang terbaik untuk mempelajari segala-galanya. Bagi saya, itulah masa paling mencabar dan kami harus menyesuaikan diri mengatasi pelbagai cabaran tersebut," jelasnya.

Dari situ, Dr Abdul Rahman, mantan pelajar Raffles Institution dan

Maktab Rendah Raffles, mendapat beliau lebih cenderung dan berminat terhadap bidang pengkhususan pembedahan.

"Saya seorang yang lebih *hands-on* (amali). Bagi saya, kepakaran pembedahan lebih menarik seperti pembedahan ortopedik. Ini satu jurusan yang ingin saya dalam kerana kepuasan yang dirasakan setelah melihat pesakit dibedah dan kembali pulih selepas terapi."

"Saya dapat dilihat bagaimana mutu kehidupannya bertambah baik," kata beliau.

Menurutnya, setiap pengkhususan perubatan bakal mengambil masa sekitar 10 tahun lagi.

Namun, lebih daripada menjadi pakar dalam satu bidang pengkhususan perubatan, Dr Abdul Rahman, menekankan pentingnya memahami



Dr Abdul Rahman Ishak dikelilingi keluarga tersayang yang banyak memberi sokongan semasa beliau menjalani pengajian di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura NUS.

trend kesihatan dan mendengar keluhan atau masalah para pesakit.

"Sebagai doktor, kita mungkin yang terbaik dalam sesuatu bidang itu tetapi jika pesakit kita sendiri tidak ada rasa kepercayaan yang mendalam, sukar untuk kita meyakinkan mereka supaya menjaga kesihatan sendiri, lebih-lebih lagi warga emas."

"Bagi saya, amat penting wujudkan hubungan seperti ini dalam bidang perubatan," kata beliau.

Dr Abdul Rahman pernah aktif menyertai kegiatan mendekati para beliau bagi memberi pendedahan terhadap peranan yang boleh dimainkan dalam bidang perubatan tetapi terpaksa berundur seketika bagi menumpukan perhatian terhadap pengajaran dan peperiksaan akhir.

Beliau kini merancang menyambungnya semula.

Biar pun anak kedua empat berdaik itu sudah melangkah ke lembutan baru sebagai doktor muda, beliau ingat pesan ibu bapanya tentang sebab beliau menjadi doktor.

"Saya faham tanggungjawab yang diamanahkan dan berharap dapat menabur bakti pada masyarakat, lebih-lebih lagi dengan ramai warga Singapura kian menua," katanya, melihat bagaimana warga tua seperti datuk dan neneknya kian memerlukan bantuan perubatan dan kesihatan.

► Penulis ialah pensyarah media di Politeknik Ngee Ann yang sedang menjalani program pembelajaran industri di Berita Harian.